

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	KPerak-YIM cungkil bakat inovasi	Utusan Malaysia
2	Usaha cungkil bakat muda kreatif	Kosmo
3	Anugerah WIF-KL 2013: 10 Pereka Bawa Pulang Habuan RM227,000	Bernama.com
4	Guru hasilkan aplikasi android	Utusan Malaysia
5	Inovasi pelajar SM Taayah dapat pengiktirafan	Utusan Malaysia
6	Inovasi canggih daripada Cikgu YouTube	Kosmo
7	Z-Filter penapis istimewa bagi air dicemari minyak	Kosmo
8	Why are mosti big storms given female names?	New Straits Times
9	Deadly wrath of a 'woman'	The Star
10	SIRIM pencetus transformasi teknologi negara	Utusan Malaysia
11	27 peratus pelajar mangsa buli 'online'	Harian Metro
12	Pelajar guna telefon pintar terdedah ancaman jenayah siber	Utusan Malaysia
13	State clear stand on TPPA, says Santiago	The Sun

## KPerak-YIM cungkil bakat inovasi

12-14 NOV 2013  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

WORLD INNOVATION FORUM  
KUALA LUMPUR  
THE FUTURE WE DESIRE



SHAHRUL Zaman Yahya (berdiri, kanan) menyaksikan pertukaran dokumen World Innovation Forum Kuala Lumpur 2013 (WIFKL), baru-baru ini.

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

hesham.idris@utusan.com.my

IPOH 14 Nov. - KPerak Inc. dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) mengorak langkah proaktif dalam usaha mencungkil bakat inovasi dan inisiatif perkongsian pintar apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersempena World Innovation Forum (WIF) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

MoU ini melibatkan kerjasama dalam mengenal pasti dan menggalakkan program inovasi dan kre-

ativiti yang akan dijalankan oleh kedua-dua pihak melalui pelbagai program.

MoU itu menggabungkan kerjasama dalam pengajuran pelbagai acara seperti pertandingan, pameran, mempromosi untuk menonjolkan idea kreatif dan inovasi rakyat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis MoU itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Rosli Mohamed.

Pengerusi Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia negeri Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya menyifatkan kerjasama itu sebagai platform terbaik untuk mengembangkan inovasi sambil menyifatkan MoU itu sebagai satu perkongsian pintar.

"Kita mahu lihat inovasi yang di luar jangkauan kerana bidang ini melibatkan aspek yang cukup luas.

"MoU ini merupakan satu platform untuk penambahbaikan perniagaan sedia ada terutama bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS)." katanya pada majlis tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Mohd. Nazaruddin Mohd. Yusoff memberitahu, satu program jelajah akan diadakan di setiap daerah di negeri ini bagi mencungkil bakat orang ramai dalam projek inovasi seterusnya diketengahkan.

"Kami sudah pun memulakan Jelajah Inovasi tahun ini dan mengadakan roadshow di empat daerah utama di Perak dan ia berjaya menarik 40 penyertaan dan diharapkan jelajah sebegini akan berterusan," kata Nazaruddin.

'Jelajah Inovasi' itu turut mensasarkan pencarian produk inovasi baru dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Penubuhan Skuad Inovasi itu juga dapat menyediakan lebih banyak peluang untuk mempromosikan produk inovasi dalam kalangan belia terutamanya di kawasan luar bandar.

Dalam masa yang sama, WIF 2013 ini turut menyaksikan penglibatan beberapa peserta khususnya dari negeri Perak yang memperkenalkan produk inovasi masing-masing.

KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 22  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

Dua agensi galak program inovasi di luar jangkauan pemikiran  
**Usaha cungkil bakat muda kreatif**



EWON (tengah) beramah mesra dengan para peserta Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 di ibu negara baru-baru ini. Turut kelihatan Shahrul (dua dari kanan).



SATU majlis menandatangi memorandum persefahaman (MoU) antara KPerak Inc. (KPerak) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bertujuan mencungkil bakat kreatif dalam inovasi telah diadakan bersamaan Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013) di ibu negara baru-baru ini.

MoU tersebut membabitkan kerjasama kedua-dua pihak dalam menggenal pasti dan mengga-

lakkan pengajuran program inovasi yang kreatif dalam bentuk pertandingan dan pameran.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed menghadiri majlis tersebut yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Sementara itu Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya menyifatkan kerjasama kedua-dua pihak itu menjadi platform untuk mengembangkan inovasi sebagai satu inisiatif perkongsian pintar.

"Kita mahu lihat inovasi di luar jangkauan kerana ia melibatkan aspek yang cukup luas.

"Ia juga menjadi platform untuk penambahbaikan perniagaan sedia ada terutamanya bagi industri

**Kita mahu lihat inovasi di luar jangkauan kerana ia melibatkan aspek yang cukup luas**

**SHahrul**

kecil dan sederhana," katanya.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Mohd. Nazaruddin Mohd. Yusoff, satu program dinamakan Jelajah Inovasi akan dilaksanakan di setiap daerah di Perak bagi mencungkil bakat orang ramai dalam menghasilkan pelbagai projek inovasi yang dikenangkan dalam pasaran.

"Setakat ini ia berjaya menarik 40 orang yang berminat. Diharapkan jelajah sebegini berterusan untuk jangka masa panjang," katanya.

Selain itu katanya, Jelajah Inovasi menyasarkan pencarian produk inovasi baru dalam kalangan masyarakat di Perak. Penubuhan Skuad Ino-

vasi juga menyediakan lebih banyak peluang untuk mempromosikan produk inovasi dalam kalangan belia terutamanya di kawasan luar bandar.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**



## **Anugerah WIF-KL 2013: 10 Pereka Bawa Pulang Habuan RM227,000**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Hadiah wang tunai berjumlah RM227,000 menjadi milik 10 pereka cipta dan inovasi tempatan pada malam gala Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013. Antaranya Anugerah Pakar Teknologi, Perkhidmatan Inovasi Kebangsaan dan Saintis Muda Kebangsaan yang disampaikan oleh [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin di sini](#), Khamis malam. Profesor Madya Dr M. Iqbal Saripan, 33, dari Universiti Putra Malaysia (UPM) diumum pemenang anugerah Saintis Muda Kebangsaan dengan ciptaan alat pengesan awal kanser menggunakan 'Wire Mesh Collimator Gamma Camera (Nuclear Imaging)' yang mampu mengimbas seluruh badan manusia terhadap penyakit tersebut. Katanya anugerah itu membuktikan kerajaan menyediakan platform untuk golongan muda menyerahkan bakat dalam bidang inovasi sekaligus memberi pengiktirafan para pereka cipta dan inovasi untuk meneruskan usaha penyelidikan. Jamaluddin Ismail, 56, dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Butterworth pula muncul pemenang kategori Inovasi Kebangsaan bagi kategori Perkhidmatan berdasarkan rekaan alat Pelangi Alternative Solution Adaptor 06 (PASA 06) iaitu sejenis 'elbow' yang disambungkan kepada pili paip bomba sewaktu kecemasan untuk memadam kebakaran. Mengulas kemenangannya, Jamaluddin berkata ciptaan itu diusahakan bersama lapan anggota kumpulan lain sejak 2006. Jamaluddin yang tidak menyangka untuk memenangi anugerah itu berkata kemenangan itu membuktikan rakyat negara ini sebenarnya kreatif dan mampu mencipta alatan demi kebaikan masyarakat dan dalam masa sama menambah kualiti perkhidmatan. Katanya alat itu kini sudahpun digunakan oleh jabatan bomba di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Pemenang Anugerah Pakar Teknologi pula Norman Jamlus, 43, dari Telekom Research & Development Sdn Bhd pula berkata, inovasi 'High Isolation Repeater Antennas' untuk Komunikasi Kawasan Luar Bandar Menggunakan CDMA450 diilhamkan bagi membantu mengurangkan jurang telekomunikasi di kawasan tersebut dengan kos yang lebih ekonomi. Produk tersebut sebelum ini telah memenangi anugerah emas untuk 'Best Communications Applications category for Malaysia-APICTA (Asia Pacific ICT Awards) 2012. Anugerah lain yang turut disampaikan ialah anugerah bagi kategori Inovasi Sekolah, Produk, Industri Kecil Sederhana (SME) dan anugerah Inovasi Perniagaan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 27**  
**TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**



**SHAHRL Zaman Yahya melihat salah satu produk ciptaan pelajar-pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah Ipoh pada WIF-KL 2013, baru-baru ini.**

## Guru hasilkan aplikasi android

IPOH 14 Nov. - Minat yang cukup mendalam untuk mencipta kaedah pembelajaran yang berkesan akhirnya mencetuskan idea kepada seorang guru, Romizal Amir Rosdi yang menghasilkan aplikasi android yang dikenali 'Cikgu Romie'.

Aplikasi android yang pertama seumpamanya di Malaysia itu cukup menarik kerana sesi pembelajaran boleh di muat turun ke dalam telefon pintar atau tablet menggunakan aplikasi Play Store secara percuma dan mudah.

Rosmizal, guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Setia, Teluk Intan, Perak merupakan antara peserta inovasi yang mempromosikan produk ciptaannya pada World Innovation Forum Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013), baru-baru ini.

Beliau turut dikenali dengan

panggilan 'Cikgu YouTube' kerana setiap kali sesi pembelajaran di kelasnya, beliau akan memuat turun video sesi pembelajaran berkenaan di laman YouTube.

"Setiap kali sesi mengajar saya akan merakamkan sesi pembelajaran tersebut dan ia kemudiannya dimuat naik ke laman YouTube.

"Ini dapat menyelesaikan masalah seperti pelajar yang tidak dapat hadir ke sekolah, boleh membuat ulang kaji tanpa perlu saya ulang kembali apa yang diajar," kata Rosmizal.

Aplikasi itu membolehkan beliau merangkul pelbagai anugerah seperti Guru Inovasi Kebangsaan 2013, Best e-learning dan juara 'Educational Blogging' kategori sekolah menengah.

"Ada empat aplikasi yang saya cipta iaitu Lukisan Kejuruteraan,

Vtutor Matematik Tingkatan 1, Vtutor Matematik Tingkatan 2 dan Islamic Studies (Moh Kite Solat).

"Setakat ini inovasi sebegini hanya ada di SMK Seri Setia dan ia satu-satunya di Malaysia," katanya.

Menurut beliau, bantuan dan sokongan yang padu dari pelbagai pihak termasuk KPerak dalam menjayakan aplikasi ini ternyata membawa hasil.

"Dahulu semua saya buat dengan usaha sendiri. Pada peringkat awal, kualiti rakaman video yang dihasilkan tidak begitu memuaskan namun kini dengan sokongan dan bantuan teknikal dari KPerak aplikasi ini berjaya dikomersilkan," katanya.

Mereka yang berminat untuk melihat aplikasi ini boleh melayari laman web [www.cikguromie.net](http://www.cikguromie.net) atau [www.vtutor.cikguromie.net](http://www.vtutor.cikguromie.net).

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 27  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**



**SHahrul Zaman Yahya (empat dari kanan) bergambar bersama pelajar-pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah Ipoh ketika World Innovation Forum Kuala Lumpur 2013 (WIFKL), baru-baru ini.**

## Inovasi pelajar SM Taayah dapat pengiktirafan

IPOH 14 Nov. - Kumpulan lima pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah di sini berjaya menghasilkan alat penapis yang berfungsi mengasingkan minyak daripada air secara automatik yang dikenali Z-Filter.

Jurucakap kumpulan pelajar tersebut, Atiqah Mohd Azizul, 16, berkata, Z-Filter mampu menyelesaikan masalah pencemaran air.

"Ciptaan kami ini sesuai untuk digunakan oleh pengusaha restoran juga di pelantar minyak kerana mampu menapis minyak secara automatik."

"Z-Filter ini adalah rekaan terbaharu kami yang diberikan penambahbaikan berbanding rekaan sebelumnya," katanya.

Mereka merupakan antara peserta yang memperkenalkan ciptaan oleh para pelajar dalam Karnival Inovasi bersempena World Innovation Forum Kuala Lumpur 2013 (WIFKL) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Inovasi ciptaan kumpulan pelajar tersebut diiktiraf apabila berjaya menerima anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa, ciptaan itu memenangi satu anugerah dalam satu pertandingan di Macau tahun ini dan muncul pemenang pertandingan inovasi di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 22  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

## Inovasi canggih daripada Cikgu YouTube

SIAPA sangka minat yang tinggi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran luar biasa mendorong seorang guru, Rosmizal Amir Rosdi (**gambar**) mencipta satu inovasi untuk pendidikan yang amat menarik.

Melihat kepada cara pembelajaran konvensional sebelum ini yang baginya kurang memberi impak besar kepada pelajar membuatkan beliau mencipta inovasi aplikasi android yang dinamakan 'Cikgu Romie'.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Setia, Teluk Intan, Perak itu adalah antara puluhan peserta yang terlibat dalam mempromosikan produk pada **Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013)** di ibu negara baru-baru ini.

Aplikasi android pertama seumpama di Malaysia itu dikhurasukan bagi pelajar negara ini.

Ia boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar dan tablet menggunakan aplikasi 'Play Store' secara per-cuma dan mudah.

Kejayaan beliau ini turut menjadikannya terkenal dengan gelaran 'Cikgu YouTube'.

Ini kerana setiap kali mengajar di sekolah, beliau akan memuat turun video tersebut di laman YouTube.

"Setiap kali sesi mengajar saya akan rekod video pembelajaran dan me-

muat naik ke YouTube. Cara ini mempu menyelesaikan masalah kepada pelajar tidak hadir ke sekolah.

"Mereka boleh melakukan ulang kaji tanpa perlu saya ulang kembali apa yang diajar," katanya.

Tambahnya, aplikasi ini juga membolehkan beliau merangkul Anugerah Guru Inovasi Kebangsaan 2013.

Menurutnya, aplikasi android Cikgu Romie mempunyai empat aplikasi iaitu Lukisan Kejuruteraan, Vtutor Matematik Tingkatan 1, Vtutor Matematik Tingkatan 2 dan Islamic Studied (Moh Kite Solat).

Menurut beliau, bantuan dan sokongan yang padu daripada pelbagai pihak termasuk KPerak Inc. selama ini dalam menjayakan aplikasi tersebut ternyata membawa hasil.

"Sebelum ini semua saya buat sendiri. Saya akui di peringkat permulaan, kualiti video yang dihasilkan tidak begitu memuaskan."

"Namun hasil sokongan dan bantuan teknikal dari KPerak, aplikasi ini berjaya dikomersialkan," katanya.

**Mereka yang berminat untuk melihat aplikasi tersebut boleh layari laman sesawang [www.cikguromie.net](http://www.cikguromie.net) atau [www.vtutor.cikguromie.net](http://www.vtutor.cikguromie.net).**



## Z-Filter penapis istimewa bagi air dicemari minyak

PENLIBATAN lima pelajar aliran agama dalam karnival inovasi yang diadakan sempena pengajian Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 baru-baru ini cukup menagumkan.

Lima pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah,

Ipoh itu yang diketuai Atiqah Mohd. Azizul, 16, (gambar kecil) memperkenalkan inovasi istimewa dinamakan Z-Filter.

Inovasi tersebut direka khusus untuk mengasingkan minyak daripada air secara automatik. Ia sekali gus membantu menyelesaikan masalah pencemaran air yang kian meruncing di negara ini.

Atiqah berkata, Z-Filter sangat berkesan digunakan oleh pengusaha premis makanan bagi membolehkan mereka memastikan air kotoran yang dicemari minyak tidak mengalir ke dalam longkang.

"Z-Filter sesuai digunakan di restoran, dewan makan dan di pelantar minyak. Ia mampu menapis minyak daripada air secara automatik dan dalam masa yang sama kurangkan kos perbelanjaan," katanya.



PELAJAR Sekolah Raja Perempuan Taayah menunjukkan alat Z-Filter pada Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

NAMES OF STORMS

## Why are most big storms given female names?

**T**HE destruction that Haiyan brought to the Philippines is awesome. The power unleashed as the typhoon roared and swept away everything in its path — people, homes, trees, cars — is incredible.

On Samar Island and Leyte alone, the governor estimated that at least a few thousand people may have died.

What is amazing is that many of the natural phenomena of such magnitude, be it a typhoon, cyclone, hurricane or tornado, are generally assigned a male's or female's name. Many, unfortunately, are given female names.

It would seem that tropical storms are named using a standard method laid out by the World Meteorological Organisation, which for some reason, prefers female names.

Historically, the feminine names became popular in the mid-1900s when the mast of a lone schooner named *Antje* was ripped off by a storm and it became known as *Antje's* hurricane.

To the layman, it is hard to figure out the reasons for such biased and senseless selection.

Such allusion might have techni-

cal, language or historical bearings but the negative implications of these personifications are obvious.

Haiyan, for example, is a Chinese name for petrel, a seabird.

But it is now commonly known in the Philippines as Yolanda, a Spanish word for Violet — a popular woman's name depicting a flower of quiet beauty, mostly purple in colour and a sign of royalty, class and sophistication.

Here are the names given to two other violent storms:

**KATRINA** that struck the US in 2005, killing 1,833 people and causing damage estimated at US\$81 billion (RM255 billion); and,

**SANDY** that hit northeastern America and Cuba last year, causing more than US\$68 billion in damage. Other notable storms include Ida (1958); Violet and Nancy (1961) which made landfall in Japan and killing altogether more than 2,000 people; Sally, Opal and Louise (1964) which hit the Philippines; typhoons Flossie and Betty which struck the city of Shanghai; and typhoons Ruby and Viola, which hit Hong Kong.

The list could go on but suffice to say, that most were given female names. Why?



Survivors walking past a ship that lies on top of damaged homes after it was washed ashore in Tacloban city by Typhoon Haiyan. File pic

Interestingly, a source on the Internet suggested that it is compared to a woman because "they can be mysterious, hard to figure out, very intelligent but with a wicked sense of humour and full of intrigue".

Thus the disasters, damage and deaths they bring in their wake due to man's own follies can be likened

to the famous quotes by William Congreve (1670-1729) that "hell hath no fury like a woman scorned", and "even the Gods fear the wrath of a woman" — attributed to the ancient Greeks and Romans whose many gods mingled and intervened in people's lives.

Lest this might offend some, it

should be pointed out that today, both these quotes are mentioned in good humour.

Perhaps the **Meteorological Department** would be able to shed some light on the reasons for the selection of such interesting names.

Alkut, Kota Baru, Kelantan

# Deadly wrath of a 'woman'

THE destruction that came in the wake of Haiyan in the Philippines was terrifying. The power unleashed as the typhoon roared and washed everything in its path including people, homes, trees and cars. On Samar and Leyte islands alone, the governor estimated that at least a few thousand people may have died.

What is amazing is that many of the natural phenomena of such magnitude, be it a typhoon, cyclone, hurricane or tornado, is generally assigned a man's or woman's name. Many, unfortunately, are named after women.

It would seem that tropical storms are named and selected using a standard method laid out by the World Meteorological Organisation, which for some reasons known only to them prefer women's names.

Historically, the use of feminine names became popular in the mid-1900s when the mast of a lone schooner named Antje was ripped off by a storm, which became known as Antje's hurricane.

To the layman, it is hard to figure out the reasons for such biased selection.

Such allusions might have technical, language or historical bearing but the negative implications of these personifications are obvious.



Haiyan, for example, was a Chinese name meaning "Petrel", a seabird but is now commonly known in the Philippines as "Yolanda", a Spanish word for "Violet" – a popular woman's name depicting a flower of quiet beauty, mostly purple and a sign of royalty, class and sophistication.

Here are a few other names given to various violent storms:  
The infamous Hurricane Katrina

(2005) which struck the United States, killing 1,833 people and causing property damage estimated at US\$81bil (RM259bil) and Hurricane Sandy (2012) in north-eastern US and Cuba with damage of over US\$68bil (RM218bil).

Other notable storms include Ida (1958), Violet and Nancy (1961) which made landfall in Japan killing more than 2,000 people; Sally, Opal, Louise (1964) which hit the

Philippines; Typhoons Flossie and Betty which struck the city of Shanghai and Typhoon Ruby and Viola which hit Hong Kong.

The list can go on but suffice to say that most are named after women.

Interestingly, a source on the Internet suggests that it is compared to a woman because they can be "mysterious, hard to figure out, very intelligent but with a wicked sense of humour and full of intrigue"!


Thus the disasters, damages and deaths they bring in their wake due to man's own follies can be likened to the famous quotes by William Congreve (1670-1729) that "Hell hath no fury like a woman scorned" and "Even the Gods fear the wrath of a woman" – attributed to the ancient Greeks and Romans whose many gods mingled and intervened in people's lives.

Lest this might offend some, it should be pointed out that today, both these quotes are mentioned in good humour.

Perhaps our Meteorological Department would be able to shed some light on the reasons for the selection of such interesting names.

**ALKUT  
Kota Baru**

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 21 TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)



LOJI perintis bagi pemprosesan gentian karbon untuk tangki CNG di Permatang Pauh.



SISTEM robotik untuk pembelajaran setiap peringkat umur yang dibangunkan SIRIM mendapat sambutan pengunjung pada Festival Sains anjuran Petrosains.



BATERI lithium-ion SIRIM kini dalam proses dikomersilakan untuk aplikasi kenderaan dan kini menjalani ujian jalanjar.

MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2013 AKAN BERLANGSUNG PADA JUMAAT, 15 NOVEMBER 2013, DI SUNWAY RESORT HOTEL & SPA, PJ.

## SIRIM pencetus transformasi teknologi negara

SIRIM Berhad, organisasi penyelidikan dan pembangunan perindustrian yang utama di negara ini kini dalam usaha transformasi bagi menerajui pembangunan teknologi di Malaysia, juga sedang giat menyusun semula produk dan perkhidmatan kepada industri dalam menjadi sebuah penyedia penyelesaian menyeluruhi.

Dengan visi baharu yang diperkenalkan tahun ini iaitu untuk menjadi sebuah penyedia penyelesaian total dalam bidang kualiti dan inovasi teknologi, SIRIM berharap untuk melakukan transformasi ke atas keseluruhan operasi perniagaan dan perkhidmatannya.

Pelaksanaan transformasi SIRIM melibatkan enam strategi serta pengenalan tiga bidang teras ataupun flagship bagi pembangunan teknologi iaitu Tenaga dan Alam Sekitar, Teknologi Perubatan dan Loji dan Mesin. Transformasi ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju meliputi bidang pembangunan teknologi perindustrian, menghasilkan produk buatan tempatan dan menjadi antara agensi penyelidikan dan pembangunan yang ternama di dunia.

Sehingga kini, beberapa projek inovasi teknologi SIRIM yang bermula tinggi telah berjaya dikomersilkan. Projek-projek ini yang mendapat dana penyelidikan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi adalah termasuk projek yang turut diusahakan secara kerjasama dengan ins-

titus penyelidikan lain.

Dalam pada itu, bagi tahun 2014, sebanyak lapan buah projek penyelidikan SIRIM telah dikenal pasti sedia untuk dikomersilkan. Projek-projek berkenaan adalah Sistem Rawatan Luka berdasarkan Chitosan, Implant Logam Titanium, Pembuatan tangki CNG daripada gentian karbon, Produk hijau menggunakan bio-komposit daripada sekam padi, Mesin Penggulung Filamen, Robokit, Mesin 8 pakai TCG, dan Bateri Lithium-ion untuk aplikasi kenderaan ringan.

### SISTEM RAWATAN LUKA BERASASKAN CHITOSAN

CHITOSAN sering dikaitkan dengan kesesuaian-bio, yang menjadikannya popular untuk sistem penghantaran ubat, kajian sel stem dan aplikasi kejuruteraan semula tisu. Secara biologinya, chitosan adalah anti-oksida, anti-microbial/hemostatic yang dapat membantu menghentikan pendarahan sambil menyekat pertumbuhan keloid atau tisu parut.

Ciri-ciri ini menjadikan chitosan sebagai bahan yang terbaik untuk aplikasi penyembuhan luka, dan penyelidik SIRIM telah membangunkan tiga jenis produk daripadanya: helai hidrogel chitosan (untuk menghidraskan permukaan luka), gel chitosan (untuk luka berbentuk rongga) dan balutan filem chitosan separa telap untuk luka yang tidak dalam. SIRIM juga

membangunkan proses pengeluaran perintis untuk pembuatan produk rawatan luka ini bagi tujuan penilaian praklinikal, klinikal dan pemasaran. Loji perintis berkenaan terletak di Sepang.

Pasukan penyelidik SIRIM telah bekerjasama dengan dua universiti tempatan untuk menjayakan projek ini mengikut amal pengilangan terbaik (GMP) dan amalan makmal terbaik (GLP).

Percubaan klinikal telah bermula pada Jun 2012 melibatkan pakar bedah rekonstruktif di tiga buah hospital di seluruh negara. Sampel juga telah dihantar ke Australia untuk kajian kesesuaian-bio dan toksiologi sebagai sebahagian daripada proses mendapatkan persijilan GLP.

### PEMBUATAN TANGKI CNG DARIPADA GENTIAN KARBON

Komposit gentian karbon semakin mendapat perhatian dunia perniagaan kerana bahan ini banyak digunakan sebagai pengruat dalam plastik manakala bagi struktur aeroangkasa, komposit ini dijadikan bahan ganti untuk keluli dan aluminium.

Penyelidik di SIRIM sedang menyempurnakan kaedah penghasilan secara besar-besaran menggunakan polyacrylonitrile (PAN) sebagai bahan dasar kimia. Dengan menggunakan pelbagai proses haba, pasukan ini mampu menghasilkan gentian karbon yang kukuh.

Sebuah loji perintis turut dibangunkan

di premis SIRIM di Permatang Pauh bagi menggunakan teknologi pemprosesan gentian karbon berasaskan PAN untuk menghasilkan tangki bagi menyimpan Compressed Natural Gas (CNG) termasuklah dalam kenderaan gas asli (NGV).

### BATERI LITHIUM-ION UNTUK APLIKASI KENDERÉAN RINGAN

Sumber sekam padi yang banyak terdapat di Malaysia menjadi inspirasi bagi penyelidik SIRIM untuk menghasilkan bateri lithium-ion daripada bahan buangan pertanian tersebut.

Bateri lithium-ion yang dihasilkan SIRIM turut meneroka penggunaan elektrolit pepejal yang diperbuat daripada polimer plastik. Elektrolit jenis gel ini menawarkan keseimbangan mekanikal sebagai suku cadang terbaik dalam sebarang suhu biasa.

Bateri lithium-ion SIRIM kini dalam proses dikomersilkan untuk aplikasi kenderaan dan kini menjalani ujian jalanan. Sebuah sistem lithium ion fotovoltaik turut berjaya dipasang di Kampung Gontoi di Kota Marudu, Sabah untuk kegunaan komuniti di sana.

### ROBOTIK: SISTEM ROBOTIK UNTUK PEMBELAJARAN

SIRIM turut membantu mengembangkan pengetahuan golongan muda di negara ini melalui Program Robokit, atau pembelajaran sistem robotik. Robokit membolehkan pelajar dari semua peringkat umur, dari tadika hingga ke universiti untuk mempelajari kemahiran pembangunan sistem perisian, program komputer dan pelbagai lagi fungsi robotik. Program ini mampu meningkatkan minat pelajar kepada bidang sains dan matematik.



SISTEM rawatan luka berdasarkan Chitosan kini di peringkat ujian klinikal di beberapa hospital tempatan.

# 27 peratus pelajar mangsa buli ‘online’

■ Bilangan kes diterima CyberSecurity turut meningkat

Oleh Afiq Hanif

afiq\_hanif@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kajian syarikat telekomunikasi DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi), CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pendidikan melalui program CyberSAFE yang dijalankan terhadap pelajar sekolah di Malaysia mendapati 27 peratus pelajar mengakui mereka sering dibuli dalam aktiviti Internet.

Lebih membimbangkan, 13 peratus dari angka awal tadi turut mengakui mereka dibuli setiap hari di Internet.

Ketua Strategi dan Pegawai Hubungan Korporat



“Lebih 407 kes buli siber dicatatkan dari Januari hingga Oktober tahun ini berbanding 300 kes pada keseluruhan tahun 2012”

Amirudin Abdul Wahab

DiGi Christian Thrane berkata, peningkatan penggunaan Internet turut menyumbang kepada kes buli ‘online’.

Menurutnya, jenis buli yang dikesan termasuk penghantaran mesej nakal seperti mengejek nama dan menggodam akaun laman

sosial orang lain.

“Internet memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan pada masa sekarang, namun ia juga dimanipulasi dengan kegiatan tidak bermoral,” katanya selepas memberi ucapan tama program CyberSAFE, di sini, semalam.

Ia disempurnakan Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Shamsuddin Hassan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, lebih 407 kes buli siber dicatatkan dari Januari hingga Oktober tahun ini berbanding 300 kes pada keseluruhan tahun 2012.

“Kami juga ingin mengingatkan angka terbabit mungkin lebih tinggi memandangkan ada yang tidak melaporkannya secara rasmi,” katanya.

Beliau berkata, beberapa tindakan susulan termasuk laporan polis turut dibuat selepas aduan diterima CyberSecurity Malaysia.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7**  
**TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

## Pelajar guna telefon pintar terdedah ancaman jenayah siber

KUALA LUMPUR 14 Nov.  
- CyberSecurity Malaysia mendapati ramai pelajar sekolah melayari internet melalui telefon pintar kerana kecanggihannya berbanding komputer peribadi, sekali gus menyebabkan mereka lebih terdedah dengan ancaman jenayah siber.

Satu kajian yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Syarikat DiGi Telecomu-



**AMIRUDIN ABDUL WAHAB**

nlications Malaysia mendapati, 29 peratus daripada pelajar yang terlibat dalam kajian itu menggunakan telefon pintar untuk melayari internet, diikuti 25 peratus (tablet) dan 23 peratus (telefon mudah alih).

Mengulas perkara tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, perkara itu dilihat

serius kerana peratusan kes pelajar yang terlibat dengan jenayah siber semakin meningkat kepada 407 kes dari Januari hingga Oktober tahun ini berbanding 300 kes yang dilaporkan 2012.

"Melihat laporan kes yang diterima, masalah ini semakin menjadi-jadi terutama dalam kalangan pelajar.

"Adalah penting untuk mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama syarikat telekomunikasi, ibu bapa serta guru dalam mewujudkan

program kesedaran tentang bahayanya ancaman jenayah siber ini," katanya dalam sidang akbar selepas merasmikan pembentangan Laporan Kajian Kebangsaan 2013 Tentang Keselamatan Jaringan: Peningkatan Kesedaran Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Malaysia Berkaitan Keselamatan Ketika Dalam Talian, di sini hari ini.

Sejumlah 9,651 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan kajian itu sejak 26 April hingga 12 Oktober lalu semasa menghadiri Bengkel Cyber-

SAFE di sekolah.

Beliau berkata, pengguna siber yang menjadi mangsa boleh membuat laporan ke talian Cyber999, milik CyberSecurity.

"CyberSecurity turut mempunyai keparakan membantu kerajaan mengesan atau memantau aktiviti alam siber, sekali gus akan bertindak berdasarkan laporan diterima.

"Jadi, sesiap sahaja yang menjadi mangsa boleh tampil membuat laporan untuk tindakan selanjutnya," katanya.

KERATAN AKHBAR  
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

## State clear stand on TPPA, says Santiago

AN Opposition MP is urging the government to clearly state its stand about State Owned Enterprises (SOEs) under the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA).

Charles Santiago (DAP-Klang) said the government has been telling the people that it is undertaking a study on the SOEs, which is due in December this year but on the contrary, a leading business magazine in Vietnam reported that Malaysia has agreed to restructure SOEs under the TPPA.

Santiago said the report in *Vietnam Briefing* stated that "Malaysia, along with Peru, Brunei and Vietnam has been granted a five-year grace period to "reform its SEO policies".

"This means all four countries are accepting TPPA rules but postponing the implementation once the

'carve-out' ends in the fifth year.

"This runs contrary to the promise by the Minister of International Trade and Industry that Malaysia will sign the agreement on its own terms.

"Given the *Vietnam Briefing* report, (questions are raised) as to what exactly are Malaysia's terms?

"Is the minister misleading the nation and the Parliament? What is the basis on which Malaysia has accepted this five-year carve out?" questioned Santiago at a press conference at the Parliament lobby yesterday.

He said government-linked companies such as Petronas, MAS and Telekom Malaysia fall under the SEO category, adding that Malaysian SOEs control 60% of the Malaysian stock market, translating into a value of RM1.5 trillion.